

15 DEC 1998
Umno-Mustapa

MUSTAPA TIDAK TANDING JAWATAN LEBIH TINGGI DALAM UMNO

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata beliau tidak bercadang untuk merebut jawatan lebih tinggi dalam Umno pada pemilihan parti tahun depan.

Mustapa, Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan, berkata apa yang penting baginya sekarang bukan untuk merebut jawatan dalam Umno tetapi membantu parti memenangi pilihan raya.

"Kita (Umno) akan menghadapi pilihan raya Negeri Sabah tidak lama lagi dan semua pihak mesti bekerja kuat untuk memastikan Umno dan Barisan Nasional menang," katanya selepas majlis makan tengah hari Anugerah Tokoh Tahunan Ketua Eksekutif Malaysia di sini.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Ketua Eksekutif Hap Seng Consolidated Berhad John Madsen memenangi anugerah itu tahun ini.

"Umno perlu bersiap sedia menghadapi pilihan raya -- pilihan raya Sabah dan selepas itu pilihan raya umum," kata Mustapa ketika ditanya sama ada beliau akan bertanding jawatan tinggi pada perhimpunan agung parti Jun depan.

"Tidak ada gunanya kita memang merebut kerusi dalam parti, jika Umno kalah dalam pilihan raya," katanya.

"Kita tidak harus ghairah dan rancak untuk bercakap tentang pemilihan, yang pentingnya Umno menang pilihan raya," katanya.

Sehubungan itu Mustapa mengajak semua anggota parti untuk bekerja kuat dan berkempen untuk memastikan Umno menang dalam pilihan raya.

Katanya selain daripada memberi tumpuan kepada pilihan raya Sabah dan pilihan raya umum akan datang, satu lagi tugas pentingnya ialah bekerja untuk memulihkan ekonomi negara.

Katanya banyak masanya digunakan untuk membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, bagi memastikan dasar-dasar untuk memulihkan ekonomi negara dilaksanakan dengan lancar.

-- BERNAMA
SJA NMO